

## **MESYUARAT PENUH BIL. 3/2008**

### **UCAPAN DATUK BANDAR**

Y.B. Pengerusi memulakan kenyataan dengan mengucapkan salam, selamat pagi dan terima kasih kepada semua Ahlimajlis, semua Pemerhati Majlis, Ahli-ahli Ex-Officio, Ketua-Ketua Jabatan dan semua yang hadir pada Mesyuarat Penuh Bil. 3/2008.

Beliau memaklumkan bahawa Majlis Bandaraya Johor Bahru telah mengadakan satu bengkel pendokumentasian Anugerah Kualiti Perdana Menteri di mana MBBJ berhasrat untuk memasuki pertandingan 5 Anugerah Kualiti pada tahun ini. Sebagaimana yang kita tahu, Anugerah Kualiti Sektor Awam (AKSA) ini merupakan satu anugerah yang berprestij termasuklah AKPM (Anugerah Kualiti Perdana Menteri). Anugerah Kualiti Sektor Awam (AKS) meliputi Anugerah Kualiti Pihak Berkuasa Tempatan (AKPBT), Anugerah Kualiti Teknologi Maklumat (AKICT), Anugerah Kualiti Pengurusan Kewangan (AKPK) dan Anugerah Khidmat Pengurusan Projek (AKPP).

Beliau yakin dengan kekuatan tonggak MBBJ yang ada ini, kita mampu untuk memenuhi kriteria-kriteria yang telah digariskan dan semua dokumentasi perlu disiapkan dan dihantar pada penghujung bulan April 2008. Di samping itu juga, MBBJ sentiasa mempertingkatkan pengurusan yang ada bagi memastikan keberkesanan pengurusan yang mantap, bukan sahaja mampu membangunkan organisasi, malahan dapat memberikan kredit imej yang positif kepada bandaraya.

Majlis Bandaraya Johor Bahru sememangnya sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan kemudahan prasarana awam, baik dari segi menambahkan bilangan kemudahan awam yang ada mahupun memastikan penyelenggaraan yang konsisten dilaksanakan dari masa ke semasa.

Namun begitu, satu perkara yang memberikan masalah kepada bandaraya adalah sikap segelintir warga bandaraya yang gemar melakukan kerosakan harta benda Majlis atau vandalisme demi kepentingan peribadi tanpa memikirkan kesan mahupun akibat yang perlu ditanggung bersama.

Kita tidak menafikan, segala kemudahan yang ada di bandaraya ini sememangnya disediakan oleh MBBJ untuk digunakannya oleh semua warga bandaraya selaku pembayar-pembayar cukai. Sudah sewajarnya, hasil kutipan cukai ini diterima oleh bandaraya diberi kembali faedahnya kepada semua, walau bagaimanapun, akibat vandalisme, kesannya bukan sahaja ditanggung oleh bandaraya, tetapi turut sama membabitkan pembayar-pembayar cukai bandaraya.

Ini kerana saban tahun, bandaraya mengeluarkan peruntukan yang cukup besar bagi mengatasi masalah vandalisme iaitu RM 2.5 juta setahun yang merangkumi penggantian peralatan yang dicuri atau dirosakkan, kos kerja lebih masa dan kos penyelenggaraan prasarana awam milik bandaraya.

Tidak mustahil, peruntukkan kos ini akan meningkat setiap tahun ekoran kenaikan kos harga barangan dan bahan mentah yang dipengaruhi oleh harga pasaran semasa. Sudah pastilah bandaraya terpaksa menambahkan lagi peruntukkan yang ada semata-mata bagi mengatasi masalah ini, sedangkan jumlah yang diberikan ini dapat disalurkan untuk kegunaan lain. Bagi pembayar-pembayar cukai pula, mereka turut merasai bebanan cukai yang perlu ditanggung.

Justeru itu, beliau menyeru kepada semua warga bandar raya Johor Bahru agar menjaadi mata dan telinga bandaraya, di mana mereka boleh melaporkan segera kepada pihak Bandar raya melalui talian bebas Tol 1-300-88-0146 mahupun talian SMS 019-7788212 sekiranya mereka melihat kejadian-kejadian kecurian harta milik Majlis ataupun vandalisme. Bukanlah talian-talian ini diwujudkan sekadar untuk mengemukakan aduan sahaja, tetapi juga turut berfungsi sebagai saluran untuk melaporkan kepada Majlis berhubung masalah-masalah ini.

Beliau yakin sekiranya orang ramai bersama-sama memainkan peranan mencegah masalah ini, insyallah bandaraya mampu menjadi bandaraya yang lengkap dan mencapai sasaran 'zero vandalisme'.

Sekian sahaja ucapan beliau bagi mesyuarat penuh pada kali ini, semoga apa yang ingin beliau sampaikan pada hari ini dapat diambil intipatinya dalam menzahirkan hasrat bandaraya.